



**MAJLIS DAERAH RAUB**

Ruj. Kami: Bil( 50)dlm.MDR.5138 Jld. 3

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

- A.** Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada Rakyat Negeri Pahang) termasuklah Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan layak untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di dalam pentadbiran Majlis Daerah Raub.

**SYARAT-SYARAT LANTIKAN BAGI SEMUA JAWATAN:-**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Terdiri daripada warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

BIL	JAWATAN/GRED	TARAF JAWATAN	KEKOSONGAN
1	Pembantu Kemahiran, Gred H19	Tetap	1
2	Pemandu Kenderaan, Ged H11	Tetap	2
2	Pembantu Awam Gred H11	Tetap	10

TARIKH IKLAN DIKELUARKAN	<b>08 Jun 2017</b>
TARIKH IKLAN TUTUP	<b>07 Julai 2017</b>
MASA AKHIR PENERIMAAN BORANG	<b>4.30 PETANG</b>

**PEMOHON HENDAKLAH MEMPUNYAI KELAYAKAN SEPERTI BERIKUT :-**

- 1. Nama Jawatan : **PEMBANTU KEMAHIRAN, GRED H19**
- Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Kemahiran (H)
- Taraf Jawatan : Tetap
- Kekosongan Jawatan : 1
- Jadual Gaji Minimum Maksimum

**RM (SEBULAN)**

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401HA19000	H19	1,377.00	4,052.00	100

Syarat Lantikan : Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah Gred H19: RM1,377.00); **atau**

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,435.12); **atau**

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(gaji permulaan ialah pada Gred H19 : RM1,435.12); **atau**

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H19 : RM1,493.24); **atau**

- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H19 : RM1,493.24).

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran

Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara lantikan

: Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam, Pembantu Operasi, Pemandu Kenderaan, Pemandu/Operator Jentera Pemunggal dan Penghantar Notis adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); **atau**

(ii) lulus Peperiksaan Khas; **dan**

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**

(ii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab dalam tugas-tugas sokongan teknikal di bangunan kerajaan iaitu memasang, membaiki pulih, menyenggara, mengawasi serta menguji kenderaan/jentera/peralatan awam dan mekanikal, pemasangan elektrik, sistem elektrik, sistem perpaipan dan kumbahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.

2. Nama Jawatan : **PEMANDU KENDERAAN, GRED H11**  
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Kemahiran (H)  
Taraf Jawatan : Tetap  
Kekosongan Jawatan : 2  
Jadual Gaji Minimum Maksimum

**RM (SEBULAN)**

<b>KOD GAJI KOMPUTER SSM</b>	<b>GRED GAJI</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
SSM401HA11000	H11	1,218.00	2,939.00	80

Syarat Lantikan : Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Penaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan

(iii) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan ialah pada Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D	:	
		RM1,264.15
- Lesen E/E1/E2	:	RM1,310.30
- Lesen F/H	:	RM1,356.45
- Lesen G/I	:	RM1,402.60

(d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Pentaksiran Tingkat Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, *dumper,roller* dan traktor pertanian.

3. Nama Jawatan : **PEMBANTU AWAM GRED H11**  
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Kemahiran (H)  
Taraf Jawatan : Tetap  
Kekosongan Jawatan : 8  
Jadual Gaji Minimum Maksimum

**RM (SEBULAN)**

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401HA11000	H11	1,218.00	2,939.00	80

Syarat Lantikan : Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00).

**(Syarat Tambahan:** Bagi tugas menyelamatkan, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia)

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM1,264.15)

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Pentaksiran Tingkat Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas : Menjalankan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.

## B. CARA MEMOHON

1. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Jawatan di Majlis Daerah Raub yang boleh didapati di laman web Majlis di alamat [www.mdraub.gov.my](http://www.mdraub.gov.my), atau dengan datang sendiri ke Bahagian Pentadbiran Majlis Daerah Raub atau mengirim **sampul surat berwarna putih** beralamat sendiri dan **bersetem 60 sen** untuk setiap satu jawatan. Sila kemukakan permohonan kepada:-

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH RAUB  
27600 RAUB  
PAHANG DARUL MAKMUR**

2. Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam Para 17 yang dikemukakan bersama dengan maklumat

perkhidmatan yang terkini dan sokongan Ketua Jabatan beserta dan Laporan Nilain Prestasi terkini.

3. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan dokumen berikut:-
  - 3.1 Salinan kad pengenalan (depan/belakang), salinan sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, sijil/diploma/ijazah yang berkaitan, keputusan peperiksaan akhir bagi kelayakan yang disyaratkan dan lain-lain dokumen pengesahan yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon.
  - 3.2. Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan:
    - i. Tidak lengkap, tidak ditandatangani, tidak disertakan gambar, tidak terang dan memohon jawatan yang tidak diiklankan;
    - ii. Tidak menyertakan dokumen-dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan;
    - iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
    - iv. Permohonan diterima selepas tarikh tutup iklan
    - v. Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi Pegawai yang sedang berkhidmat

#### C. **ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP**

Permohonan hendaklah sampai kepada:-

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH RAUB  
27600 RAUB  
PAHANG DARUL MAKMUR**

Sebelum atau pada: 07 Julai 2017

#### **CATATAN AM**

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil temuduga.
2. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.

**(DATO' HAMDAN BIN HUSSIN, DIMP, SAP, AAP, AMP)**  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Raub

Bertarikh di Raub pada: 08 Jun 2017

*nnn/R-ina/has.....d.noma.td/iklanjaw*